

Headline	Akta baharu mantapkan NIOSH, DOSH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jun 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	9	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	366 cm ²
Journalist	Mohd Iskandar Ibrahim	AdValue	RM 12,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,498



Akta baharu mantapkan NIOSH, DOSH

➔ Pengasingan bolehkan peranan dimainkan lebih baik

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

► Bangi

Kementerian Sumber Manusia bercadang mewujudkan akta baharu bagi mengasingkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).

Menterinya, M Kulasegaran, berkata pengasingan itu perlu dibuat supaya NIOSH dapat menumpukan peranan dalam pelaksanaan program latihan manakala DOSH bertanggungjawab dalam pe-

nguatkuasaan.

"Sudah tiba masanya peranan NIOSH diasingkan daripada DOSH dan menjadi badan bebas, sekaligus dapat memainkan peranannya dengan lebih mustahak.

Buat analisis

"Kementerian sudah melakukan analisis dan berpendapat satu akta baharu perlu diwujudkan berkaitan NIOSH. Sebaik sahaja kajian siap, saya akan bawa perkara ini kepada Kabinet," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri NIOSH 2019, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi NIOSH, Tan Sri Lee Lam Thye dan Pengarah Eksekutif NIOSH, Ayop Salleh.

Kulasegaran berkata, pihaknya menjangka dapat menyiapkan kajian itu dalam tempoh dua bulan untuk dibentangkan kepada Kabinet.

"DOSH bertanggungjawab dalam menjalankan penguatkuasaan manakala NIOSH memainkan peranan penting dalam melaksanakan program latihan," katanya.



Kulasegaran dan Lam Thye beramah mesra bersama tetamu yang hadir ke Rumah Terbuka Aidilfitri NIOSH 2019.

[FOTO ROSELA ISMAIL /BH]